

19/09/1998

Sapok harap PM jadi pembakar semangat

pix on "Sukan Komanwel 1998" by Norbakti Alias; Jamhariah Jaafar; Ahmad Khawari Isa; V Ashok; Radzi Wahab; Lukman Salleh; Zairee Zahir; Halmi Samad; Saufi Hamzah; Hussain Said; Wan Jailani Razak; Mohd Ali Majid
SAPOK Biki terus melakar sejarah untuk negara dan dirinya apabila menjadi peninju tunggal membawa cabaran Malaysia dalam perlawanan akhir, esok.

Kemenangan 15-11 ke atas pencabar dari England, Gary Jones, dalam separuh akhir kategori paling rendah, 48kg, semalam, memberi peluang kepada Sapok untuk meraih sekurang-kurangnya pingat perak dengan kilauan emas berada dalam jangkauan.

Bagaimanapun, pencapaian membanggakan itu gagal diulangi setengah jam kemudian oleh Adnan Yusoh yang juga turun dalam separuh akhir apabila kecundang tipis 15-16 kepada peninju Tanzania, Michael Yomba Yomba, dalam kategori 54kg.

Kecuali pusingan pertama yang dianggap sebagai pusingan mencari rentak dan menguji kekuatan lawan, Sapok nyata menguasai keseluruhan pertarungan itu melalui penampilan kemas dan bertenaga.

Keunggulannya mengatasi lawan membuatkan Jones - yang sebelum pertarungan itu begitu yakin untuk menundukkan Sapok - terpaksa akur dengan kehebatan peninju tuan rumah yang sentiasa selangkah di depan dari setiap aspek.

Ketinggian Sapok pada 162sm turut memberi kelebihan kepadanya untuk menangkis serangan lawan sebelum kembali mengasak setiap kali dihidangkan peluang.

Sorakan 1,000 penonton yang menjerit namanya turut membantu peninju berusia 24 tahun itu untuk terus bersemangat bagi melebarkan penguasaan terhadap lawan.

Malah, sorakan itu bertukar menjadi gamat apabila Sapok membawa Jalur Gemilang dan potret Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke gelanggang sebaik sahaja diisytiharkan pemenang.

Bercakap dalam sidang akhbar kemudian, Sapok mengakui mahukan Perdana Menteri hadir menyaksikannya bertarung dalam perlawanan akhir sebagai dorongan dalam pertemuan getir itu.

"Kehadiran Perdana Menteri pasti membakar semangat saya," katanya.

Mengenai perlawanannya, anak Sarawak itu berkata dia sekadar menaruh keyakinan sebelum turun ke gelanggang tetapi percaya akan menang selepas tamat pusingan kedua.

Hakikat itu turut diakui oleh jurulatih, Adun Pasu, yang menganggap anak didiknya itu mempunyai corak pertahanan kental di samping menampilkan persembahan bijak dengan tangannya sentiasa di atas.

"Biarapun kedua-duanya mempunyai kelemahan di bahagian perut, kelebihan tetap memihak kepada Sapok," katanya.

Bagaimanapun, Adun menanggapi peluang Sapok untuk mencabar dalam perlawanan akhir sebagai 50-50 kerana pencabarnya, Moses Kinyua, kelihatan kental dan unggul. Dia menang besar 33-14 ke atas Roudik Kazanjian dari Cyprus.

Semangat Sapok begitupun tidak tersentak dengan hakikat itu apabila menegaskan: "Kita tengok siapa yang dapat mata banyak dalam perlawanan akhir nanti."

Menurutnya, dia turut yakin untuk bertarung dengan lebih baik daripada pencapaian dalam separuh akhir dengan memenangi emas untuk negara.

Kehadiran ibu bapanya, Limah Jamba, 41, dan Biki Kinyau, 47, sudah pasti akan mendorong impian itu untuk menjadi kenyataan.

